



**INTERNATIONAL JOURNAL OF  
HERITAGE, ART, AND MULTIMEDIA  
(IJHAM)**  
[www.ijham.com](http://www.ijham.com)



## **CIRI DAN FUNGSI LAGU DALAM MEMBENTUK STRUKTUR PLOT FILEM MUZIKAL MAGIKA (2010)**

*CHARACTERISTICS AND FUNCTIONS OF SONGS IN SHAPING THE  
STRUCTURE PLOT OF MAGIKA FILM MUSICAL (2010)*

Faezahnor Saddi<sup>1</sup>, Zairul Anwar Dawam<sup>2</sup>, Fazmi Hisham<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Akademi Seni dan Teknologi Kreatif, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
Email: hellofaezahs@gmail.com

<sup>2</sup> Akademi Seni dan Teknologi Kreatif, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
Email: zanuar@ums.edu.my

<sup>3</sup> Akademi Seni dan Teknologi Kreatif, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
Email: mfazmi@ums.edu.my

\* Corresponding Author

### **Article Info:**

#### **Article history:**

Received date: 14.12.2021

Revised date: 15.01. 2022

Accepted date: 02.02.2022

Published date: 06.03.2022

#### **To cite this document:**

Saddi, F., Dawam, Z. A., & Hisham, F. (2022). Ciri Dan Fungsi Lagu Dalam Membentuk Struktur Plot Filem Muzikal Magika (2010). *International Journal of Heritage, Art and Multimedia*, 5 (16), 01-14.

**DOI:** 10.35631/IJHAM.516001.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



### **Abstrak:**

Genre filem muzikal merupakan satu-satunya filem yang berpandukan lagu-lagu yang dinyanyikan oleh watak-watak dalam memahami perjalanan plot naratif. Setiap lagu-lagu yang dinyanyikan mempunyai fungsinya tersendiri untuk menggerakkan perjalanan plot naratif agar audiens mudah memahami mesej yang ingin disampaikan. Lagu-lagu yang dihasilkan memerlukan daya kreativiti yang tinggi oleh seorang pengarah dan komposer untuk meneliti dan memperincikan setiap komposisi lagu pada *que* plot yang bersesuaian. Oleh itu, untuk meneliti dan memahami bagaimanakah ciri-ciri dan fungsi lagu dalam membentuk struktur plot dihasilkan, pengkaji telah memilih 2 buah lagu dari filem muzikal Magika (2010) sebagai analisis kajian kes. Filem ini dipilih berdasarkan pencapaian filem tersebut yang telah merangkul anugerah sebagai filem terbaik, dan skor muzik asal terbaik di Festival filem Malaysia yang ke - 23. Metod kajian dijalankan melalui temubual secara berperingkat dengan menemubual beberapa pengarah filem dan komposer, catatan, dan pemerhatian karya filem Magika (2010). Seterusnya kajian dianalisis dengan menggunakan teori *Conceptual Integration Networks* dalam mengkaji makna lirik kemudian mengfokuskan elemen beat dalam struktur plot yang diperkenalkan oleh Syd Field (2005) dan Blake Snyder (2005) kepada kedua lagu yang terpilih. Hasil daripada kajian ini, pengkaji mendapati bahawa lagu yang diciptakan khas dalam filem muzikal Magika (2010) merupakan jambatan komunikasi antara

watak-watak yang menyanyikan lagu-lagu tersebut yang terbina melalui elemen lagu dan struktur plot.

**Kata Kunci:**

*Conceptual Integration Networks, Syd Filed, Snyder, 15 Beats, Ciri Lagu, Fungsi Lagu, Struktur Naratif, Filem Muzikal, Malaysia, Filem Magika.*

**Abstract:**

The musical film genre is the sole film genre predominantly guided by the songs sung by the characters to understand the narrative plot. Each of the songs has its own function to develop the narrative plot so that the audience can easily understand the underlying message. The songs produced require a high level of creativity by the director and composer, who would need to research and detail each song composition on the appropriate plot queue. Therefore, the researcher has selected 2 songs from the musical film *Magika* (2010) as case study analysis to examine and understand how the characteristics and functions of songs in shaping the plot structure are produced. The film ‘*Magika*’ was selected based on its achievements of being the only musical film to have won the “Best Film” and “Best Original Music” award at the 23<sup>rd</sup> *Malaysian Film Festival*. The research method was conducted through staged interviews by interviewing several film directors and composers, notes, and observations of *Magika’s* (2010) film work. Subsequently, the study was analysed using the ‘*Conceptual Integration Networks*’ theory in studying lyrical meaning then focusing on beat elements in plot structure introduced by Syd Field (2005) and Blake Snyder (2005) to both selected songs. As a result of this study, the researcher found that the specially created song in the musical film *Magika* (2010) is a communication bridge between the characters who sing the songs which is built through the song elements and plot structure.

**Keywords:**

*Conceptual Integration Networks, Syd Field, Snyder, 15 Beats, Song Features, Song Function, Narrative Structure, Musical Film, Malaysia, Magika Film.*

## Pengenalan

Ciri dan fungsi lagu amat penting dalam filem muzikal. Ia mempengaruhi naratif atau penceritaan filem tersebut. Ini dinyatakan oleh Plemenitas (2016) bahawa, dalam filem muzikal, lagu dalam non-diegetik (muzik yang berasal dari sumber di luar dunia filem) adalah sebahagian daripada struktur naratif atau penceritaan iaitu sama kepentinganya dengan pengucapan dialog. Ciri dan fungsi muzik dan lagu juga bertujuan memastikan audiens menyukai watak dan memahami cerita yang disampaikan. Ini dinyatakan oleh fatma khaled (2018) yang memetik kata-kata hermann (1971):

The role of film music in expressing emotional content alongside its function in shaping the narrative and determining tempo. It's speaks of music's ability to “invest a scene with terror, grandeur, guilty, or misery”, but also to “seek out and intensify the inner thoughts of the character.

Lagu akan mempengaruhi emosi audiens seperti kegembiraan, kesedihan, marah dan ketakutan. Emosi ini mendorong audiens untuk terus menonton sesebuah filem dari awal hingga menemui penamatnya.

Bagi memastikan audiens memahami naratif sesebuah filem, maka penghasilan lagu dalam filem muzikal juga harus disesuaikan dengan struktur plot seperti struktur tiga babak yang dicadangkan oleh pakar naratif seperti syd field (2005) dan blake snyder (2005). Syd field dan snyder telah mencadangkan pembentukan struktur plot bagi memastikan pembentukan naratif sesebuah filem dapat menimbulkan perasaan keterujaan kepada audiens untuk menonton melalui titik plot dan 15 beats. Syd field telah mewujudkan titik plot (*plot point*) yang dikenali sebagai *inciting incident*, *key incident* dan *plot point 1* pada babak 1. Titik plot ini bagi memastikan pengenalan sesebuah cerita itu dapat menarik perhatian audiens sehingga mereka ingin menonton babak seterusnya. Dalam babak 2 wujud titik plot *pinch 1*, *midpoint*, *pinch 2* dan *plot point 2*. Manakala dalam babak 3 yang dikenali sebagai penamat, wujud klimaks yang merupakan titik puncak berlakunya pertembungan terakhir antara watak protagonis dan antagonis untuk menyelesaikan konflik yang dihadapi (carter, 2014).

Manakala snyder (snyder) telah membahagikannya babak 1 kepada *opening image*, *theme stated*, *set up*, *catalyst*, *debate* dan *break into two*. Manakala babak 2 pula mengandungi *b story*, *fun & games*, *midpoint*, *the bad guys close in*, *all is lots*, *dark night of the soul* dan *break into act three*. Babak 3 pula mempunyai dua bentuk iaitu *finale* dan *final image*. Bagi memastikan keterujaan audiens untuk menonton sesebuah filem itu berterusan, blake snyder telah menekankan kepentingan *midpoint* atau titik pertengahan dalam babak 2. Ini disebabkan kebanyakan penulis dan pengarah gagal memastikan momentum pergerakan sesebuah naratif atau penceritaan dilakukan secara berterusan dalam babak 2 kerana babak tersebut merupakan babak terpanjang dalam sesebuah naratif. Antaranya penulis skrip dan pengarah tidak dapat memastikan konflik dan cabaran watak yang dilalui itu memberi kesan emosi seperti kegembiraan, kesedihan, marah dan ketakutan. Akhirnya menyebabkan *finale* atau klimaks yang berlaku di pengakhiran cerita itu tidak dapat kesan keterujaan yang paling tinggi kepada audiens.

## Tinjauan Literatur


Kajian literatur ini merupakan usaha pengkaji dalam mengumpulkan bahan penulisan terdahulu yang berkaitan untuk mengembangkan pemahaman awam mengenai tajuk kajian yang merangkumi konsep lagu, naratif dan genre filem muzikal Malaysia. Kekurangan bahan penulisan terdahulu mengenai perkembangan filem muzikal di Malaysia, memerlukan peluasan pencarian fokus terhadap bahan penulisan untuk mengisi jurang kajian yang belum disentuh oleh pengkaji terdahulu. Berdasarkan kajian lepas Mohd Zaki (2006) yang bertajuk “Genre filem muzikal Dalam Sinema Malaysia Tahun 1976 sehingga 2006”, banyak menyentuh tentang penghasilan genre filem muzikal dalam Malaysia sekitar tahun 70an ke 2000an. Kajian lepas oleh Khairil Anwar (2015), iaitu “Fungsi Lagu Dalam Filem: Filem Ibu Mertuaku” juga merupakan kajian yang menyentuh tentang bagaimana fungsi muzik dan lagu dalam filem Ibu Mertuaku telah meneroka emosi dalam alunan muzik yang diciptakan khas untuk filem tersebut. Kelompongan kajian lepas sedikit sebanyak dapat memberikan ruang terhadap kajian ini dengan meneliti tentang kepentingan fungsi lagu dalam penstrukturran plot naratif genre filem muzikal Malaysia. Oleh yang demikian, beberapa bahan bacaan dan penulisan kajian lepas telah membantu pengkaji dalam memahami konsep genre filem muzikal, sejarah perkembangan muzik dan lagu dalam filem Melayu. Salah satu bahan untuk menyokong kajian

ini ialah berkaitan proses pembikinan lagu-lagu tersebut melalui produser, pengarah filem dan juga komposer. Hasil rumusan sorotan literatur ini mampu dijadikan sebagai bahan sokongan dan panduan sama ada dari segi teoritikal mahupun emperikal untuk perkembangan kajian dimasa hadapan.

### Metodologi Kajian

Penulisan ini dianalisis menggunakan reka bentuk kajian kualitatif iaitu proses analisis lagu terhadap struktur naratif dalam visual filem muzikal *Magika*. Sumber seperti buku, jurnal, majalah, serta tesis telah dimanfaatkan demi menyokong data kajian ini. Selain itu juga pengumpulan data seperti menemubual produser filem *Magika* dan beberapa pengarah filem dan komposer juga turut dilaksanakan untuk mengukuhkan lagi analisis kajian. Dalam menganalisis fungsi lagu dalam struktur filem *Magika* ini, pengkaji menggunakan teori Blake Snyder's sebagai menyokong pergerakan dua buah lagu yang dipilih dalam filem ini.

Elemen lagu berdasarkan konteks visual struktur penceritaan filem sebagai tunjang utama dihuraikan secara ilmiah dan terperinci bagi menjelaskan makna dalam filem ini. Pada tahap ini, pengkaji telah mengambil inisiatif dengan menggunakan model *Conceptual Integration Networks* oleh Fauconnier and Turner (2002), yang menawarkan satu pendekatan alternatif terhadap pembinaan makna dalam korelisasi metafora. Teori ini dikembangkan lagi oleh Coulson dan Oakley memberikan pandangan mengenai cara berfikir, mencipta, dan memahami dunia di sekitar kita yang membincangkan kedua-dua campuran linguistik dan bukan linguistik. Menurut teori Coulson dan Oakley (2000), *Blending Theory* berlaku bukan hanya untuk kepelbagaiannya tahap analisis, tetapi juga menyajikan cara untuk mewujudkan hubungan antara pemahaman bahasa kita dengan cara kita memahami pemikiran dan kegiatan manusia secara umum.



**Rajah 1: Conceptual Integration Networks Theory**

Sumber: (Fauconnier and Turner, 2002)

**Jadual 1: Senarai Analisis Lagu Filem Magika (2010)**

Bil.	Tajuk Lagu	Genre Lagu
1.	Kehilangan	<i>Balada</i>
2.	Rahsia Awet Muda	<i>Vaudaville</i>

Sumber: (Filem Magika, 2010)

Teori *Conceptual Integration Network* (CIN) oleh Fauconnier dan Turner (1998) digunakan untuk menganalisis ciri dan fungsi dua buah lagu seperti makna lirik, melodi dan nyanyian watak kepada keseluruhan naratif filem meliputi tema, watak perwatakan dan plot (sebab dan akibat) filem tersebut. Skop kajian hanya menumpukan kepada dua buah lagu *Kehilangan* dan *Lagu Rahsia awet muda* kerana lagu-lagu tersebut membawa plot cerita semakin berkembang setelah memasuki titik plot *Midpoint*. Analisis makna dan lirik lagu digunakan untuk melihat sama ada ia bersesuaian dengan titik plot *Midpoint*, *B-Story* dan *The bad guys close in*, yang dicadangkan pendekatan struktur tiga babak Syd Field (2005) dan Snyder (2005). Berdasarkan teori CIN dan pendekatan struktur plot Syd Field dan Blake Snyder, kajian ini akan menerangkan bagaimana ciri, fungsi dan makna lagu dalam bentuk deskriptif berserta jadual dan rajah membantu elemen naratif atau penceritaan filem ini.

### Analisis Kajian

Menurut buku bertajuk *Save the Cat* (2005) Blake Snyder telah memperkenalkan 15 elemen *beat*, yang bermula dengan *opening image*, *theme state*, *set up*, *catalyst*, *debate*, *break into two*, *b-story*, *fun & games*, *midpoint*, *bad guys close in*, *all is lost*, *dark night of the soul*, *break into three*, *finale* dan *final image*. Keseluruhan elemen ini telah membentuk perjalanan sesebuah cerita agar ia jauh lebih menarik dan mengujakan.

**Jadual 2: Elemen Beat Dalam Struktur Tiga Babak Blake Snyder (2005)**

ACT 1	ACT 2	ACT 3
Opening image	Break into two	Break into three
Theme stated	B story	finale
Set up	Fun and games	Final image
Catalyst	<b>Midpoint</b>	
Debate	<b>Bad guys close in</b>	
	All is lost	
	Dark Night of the soul	

Sumber: (Save the Cat: The Lat Book On Screenwriting You'll Ever Need!, 2005)

Jadual 2 menunjukkan 15 elemen beat yang telah diasaskan oleh Blake Snyder (2005). Berdasarkan babak satu merangkumi enam elemen *beat* yang harus digarap dengan baik untuk memastikan audiens mendapatkan sedikit gambaran awal tentang tema cerita tersebut. malah semasa dalam babak satu juga audiens diberi peluang untuk mengenali watak dan perwatakan yang akan menggerakkan plot cerita tersebut. Melalui peristiwa penting yang berlaku dalam catalyst atau pemangkin, audiens akan mula tertarik dan mengharapkan keterujaan yang bakal berlaku dalam babak dua. Apabila perjalanan cerita mula menaik ke babak dua plot cerita semakin mencabar dan ia mampu menarik minat audiens untuk mengikuti perkembangan ataupun *plot-twist* yang mengujakan. Konfrontasi yang berlaku dalam babak dua merupakan

babak yang paling penting dan jika elemen beat tidak kuat dalam setiap plot, ia akan menjadikan audiens mula bosan untuk menonton filem tersebut. Oleh itu, untuk menghasilkan lagu-lagu dalam filem muzikal, seorang pengarah dan komposer harus memahami dan menekankan elemen *beat* pada babak dua.

### **Elemen *Midpoint* Dan *Bad Guys Close In* Dalam Babak Dua**

Menurut Blake Snyder (2005), bahagian babak dua merangkumi tujuh elemen beat yang harus digarap dengan baik oleh penulis skrip mahupun pengarah yang memindahkan sebuah skrip ke adegan visual. Penghasilan kesemua adegan dengan elemen beat yang dihasilkan oleh Blake Snyder bertujuan memberi kesan emosi yang diharapkan oleh seorang pengarah dan penulis skrip filem tersebut. Sebagai contoh, pada halaman ke – 55-75, Snyder's menggunakan elemen *beat* yang dikenali sebagai *Bad Guys Close In* bagi menggambarkan watak antagonis telah menunjukkan kekuasaannya. Berdasarkan plot tersebut, secara tidak langsung ia telah membawa audiens kesatu tingkat emosi yang bakal memberikan satu perasaan keterujaan, debaran, kegembiraan, kebencian mahupun kesedihan. Plot yang berlaku dalam elemen *Bad Guys Close In* juga secara automatik akan menarik audiens untuk terus menonton ataupun melanjutkan perasaan *curiosity* untuk mengetahui apakah cerita selanjutnya yang membawa audiens ke elemen *beat* seterusnya. Kedua-dua elemen *beat Midpoint* dan *Bad Guys Close In* merupakan elemen yang penting kerana ia mampu memberikan satu gambaran awal bagaimana pengakhiran plot cerita tersebut berakhir samada dengan positif ataupun negatif.

**Rajah 2. Elemen *Midpoint***

Visual / Adegan filem Muzikal Magika	Data maklumat
	<b>Tajuk Lagu:</b> Kehilangan <b>Jam/ Minit:</b> 00:26:19 <b>Watak:</b> Ayu dan Badang <b>Genre Lagu:</b> Balada
	

Sumber: (Filem Magika, 2010)

Pada adegan visual Rajah 2, elemen *beat midpoint* dipaparkan menerusi adegan apabila Ayu bertemu dengan Badang selepas bertemu dengan watak-watak dongeng lain seperti Mahsuri dan lima pahlawan Melaka. Dalam adegan ini lagu kehilangan bergenre balada telah dinyanyikan duet oleh Ayu dan Badang. Seperti yang telah disebut oleh Rick Altman (1975) naratif dual-focus dalam filem muzikal sangat penting kerana konsep hubungan antara perbezaan lelaki dan wanita Ketika menyanyikan lagu membawa kepada konsep hubung penyebab dan kesan (cause and effect). Apa yang dimaksudkan adalah dengan ransangan motivasi melalui lagu-lagu antara watak-watak secara tidak langsung menggerakkan naratif plot. Ia secara amnya, terbina menggunakan para pelakon yang selari namun bertentangan dengan nilai-nilai yang berbeza. penjelasan ini dapat dikaitkan menerusi nyanyian duet lagu

kehilangan yang memperlihatkan audiens bagaimana reaksi Ayu yang begitu terdesak merayu mengejar Badang untuk membantunya namun tidak diendahkan.

### Rajah 3. Elemen The Bad Guys Close In

Visual / Adegan filem Muzikal Magika	Data maklumat
 	<b>Tajuk Lagu:</b> Rahsia Awet Muda <b>Jam/ Minit:</b> 00:31:39 <b>Watak:</b> Nenek Kebayan <b>Genre Lagu:</b> Vaudaville
 	

Sumber: (Filem Magika, 2010)

Pada paparan visual adegan tersebut, Nenek Kebayan menyanyi sambil memperkenalkan jamu awet muda yang telah beliau hasilkan kepada seluruh penduduk Magika. Di dalam lirik lagu tersebut, jelas menggambarkan keangkuhan watak nenek kebayan kerana mampu menghasilkan ramuan yang luar biasa. Pada elemen *bad guys close in*, audiens sudah sedar dan memahami bahawa ramuan rahsia yang menghasilkan jamu ajaib itu adalah hasil dari air mata kanak-kanak. Ini bermaksud, Malik diculik nenek kebayan adalah kerana ingin mengambil air mata daripada Malik dengan cara paksaan. Namun penduduk tidak tahu tentang rahsia ramuan yang digunakan dalam jamu tersebut. Walaupun watak Nenek Kebayan adalah watak antagonis dalam naratif plot *Magika*, tetapi watak Nenek Kebayan sarat dengan *humor*.

Kehebatan Nenek Kebayan dalam menghasilkan jamu awet muda memberikan tanda tanya kepada seluruh penduduk bagaimanakah Nenek Kebayan mampu menghasilkan jamu yang mampu mengubah kecantikan seseorang dengan sekelip mata. Lagu *Rahsia Awet Muda* ini telah membawa audiens melonjak ke satu tahap dalam memperlihatkan keangkuhan watak

Antagonis. Berdasarkan struktur lirik lagu *Rahsia Awet Muda* mempunyai empat rangkap lirik. Bermula dengan Rangkap pertama, Korus, Pra-Korus, Rangkap Kedua dan berakhir dengan Korus. Lagu ini adalah lagu penanda yang penting buat watak Antagonis. Kerana dalam lagu ini, ia sebagai sebuah simbol keangkuhan watak Nenek Kebayan yang mempunyai kuasa ajaib menghasilkan ramuan Jamu awet muda dengan sekelip mata. Pengkaji meneliti, struktur lirik lagu ini tidak mempunyai *Bridge* yang hanya diteruskan kepada rangkap korus. Struktur Lirik lagu *Rahsia Awet Muda* sedikit berbeza dengan lagu *Gebang* dan *Baik Kau Pulang*. Ini kerana, Lagu ini mempunyai Pra-Korus sebelum ke bahagian Korus. Menurut Terry Cox (2001) Pra-Korus juga dikenali sebagai sesuatu yang "membina", "saluran", atau "jambatan peralihan". Pra-korus berfungsi untuk menghubungkan ayat ke korus dengan bahan perantaraan, biasanya menggunakan *chord subdominant* yang berbeza tetapi diselaraskan secara harmoni, dan membawa ke korus penuh. Pra-Korus juga sebagai satu tanda sebelum ke bahagian utama dalam struktur lagu.

## Hasil Kajian dan Dapatan

Ciri dan fungsi lagu yang terdapat pada lagu berjudul *Kehilangan* yang dinyanyikan oleh watak Ayu dan Badang, bersesuaian dengan elemen beats yang dicadangkan oleh Syd Field iaitu dalam elemen *Midpoint*. Adegan pertemuan antara Ayu dan Badang juga bersesuaian dengan *B story* yang dikemukakan oleh Snyder kerana pertemuan Ayu dan Badang menyebabkan wujud cerita kedua yang mengfokuskan kepada watak Ayu dan Badang. Berdasarkan lirik dan nyanyian duet lagu juga, ia memberi gambaran konflik dan masalah yang dihadapi oleh Ayu yang sedang mencari kehilangan adiknya. Ini dijelaskan secara langsung melalui lirik lagu “*Ku kehilangan, bersendirian, tolonglah aku mencari hala tuju*”. Lirik lagu ini telah mengukuhkan tema utama mengenai hubungan kasih sayang terhadap adiknya Malik. Melalui lirik yang dinyanyikan, Ayu semakin tertekan kerana Badang tidak mahu membantunya untuk bersama-sama mencari Malik.

Selain itu, melalui makna lirik lagu, ia juga berkait dengan *beat* atau titik plot *Midpoint* konsep pertengahan cerita yang dinyatakan oleh Syd Field (2005) iaitu watak harus membuat keputusan untuk bertindak. *Midpoint* ini dikenali sebagai titik tidak kembali (*Point of no return*). Pada titik plot ini, Badang mula bersimpati dengan masalah yang dihadapi oleh Ayu dan membuat keputusan untuk membantu Ayu. Ini dinyatakan melalui lirik lagu nyanyian Badang, “*Beratnya hati untuk melangkah pergi, makin berat bila dengar engkau menangis*”.

Keputusan yang dibuat oleh Badang untuk membantu Ayu menyebabkan cerita semakin menarik dan bergerak ke peringkat seterusnya. Analisis *Midpoint* berdasarkan lagu *Kehilangan*, dapat diterangkan melalui ciri-ciri lagu dan bentuk emosi yang ingin disampaikan melalui lagu tersebut (Jadual 2).

**Jadual 2: Ciri-Ciri Lagu Kehilangan Dalam Elemen Midpoint.**


Ciri Lagu	Bentuk emosi	Elemen beats / Adegan Visual
<ul style="list-style-type: none"> <li>- Genre lagu: Balada, Duet.</li> <li>- Instrumen Muzik: Violin, Piano, Simfonik Orkestra.</li> <li>- Melodi: fleksibel, sayu.</li> <li>- Tempo: 50BPM</li> <li>- Struktur Lirik: \Verse 1, Chorus, Verse 2, Verse 3, Verse 4.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kesedihan</li> <li>ii. Terdesak</li> <li>iii. Pengharapan</li> <li>iv. Kasih sayang</li> <li>v. Kehilangan</li> </ul>	<p><b>Midpoint</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Titik pertengahan cerita konflik mula dibangkitkan ataupun <i>turning point</i> kepada keseluruhan cerita.</li> <li>- Ayu sangat terdesak meminta pertolongan daripada Badang.</li> </ul>

Sumber: (Filem Magika, 2010)

Berdasarkan Jadual 2, pengkaji telah membahagikan kepada tiga bahagian untuk menjelaskan dengan lebih terperinci apakah ciri-ciri lagu yang terdapat dalam lagu *Kehilangan*. Berdasarkan ciri lagu iaitu genre balada dan penggunaan instrumen muzik seperti violin dan piano, ia sesuai dengan emosi yang cuba disampaikan melalui watak Ayu. Malah makna lirik juga memainkan peranan penting yang kepada audiens untuk mudah memahami struktur plot dan turut

merasakan emosi watak Ayu di dalam kesedihan. Seterusnya melalui teori *Conceptual Integration Network* (CIN) ia juga dapat menghuraikan ciri dan fungsi keseluruhan makna lagu tersebut kepada keseluruhan penceritaan (Rajah 2).

**Rajah 2. Conceptual Integration Network Lagu Kehilangan Dengan Elemen Beat Midpoint.**



Sumber: (Filem Magika, 2010)

Berdasarkan Rajah 2 di atas, kedua-dua bahagian ini naratif dan visual dan lirik lagu berkaitan antara satu sama lain. Bahagian *space 1* menjelaskan tentang sesuatu kejadian yang dikenali sebagai sebuah naratif ataupun visual. Manakala *space 2* adalah ruang lirik yang menjelaskan adegan visual yang berlaku dalam *space 1*. Adegan visual memaparkan Ayu menyanyikan lagu tersebut dengan penuh kesedihan, kekecewaan dan penuh pengharapan agar Badang dapat menolongnya (Rajah 3). Diikuti pula kepada *space 2* menjelaskan lirik lagu yang dinyanyikan Ayu. Berdasarkan bahagian *space 2*, audiens dapat melihat, mendengar dan memahami emosi yang dihadapi oleh watak Ayu dan Badang. Ini menunjukkan lagu kehilangan ini memberi kesan kepada struktur plot dan elemen naratif filem muzikal *Magika*.

Analisis seterusnya mendapati ciri dan fungsi lagu bertajuk *Rahsia awet muda* juga sesuai dengan elemen beat *The bad guys close in* yang dicadangkan oleh Snyder (2005). *Bad guys close in* yang memberi penekanan kepada watak dan perwatakan penjahat atau watak antagonis dengan lebih mendalam. Berdasarkan lirik lagu tersebut, ia mengukuhkan gambaran watak-perwatakan watak antagonis Nenek Kebayan. Ini dapat dilihat dalam rangkap lirik pertama yang berbunyi, “*Jika ada masalah dalam kehidupan carilah ku panggil saja nenek kebayan, ku tiba hanya dalam sekelip mata.*” Rangkap lirik tersebut memperlihatkan perwatakan Nenek Kebayan yang sombong dan angkuh dan menunjukkan kekuasaannya. Analisis *The bad guys close in* berdasarkan lagu *Rahsia awet muda*, dapat diterangkan melalui ciri-ciri lagu dan bentuk emosi yang ingin disampaikan melalui lagu tersebut (Jadual 3).

**Jadual 3 Ciri-Ciri Lagu *Rahsia Awet Muda* Dalam Elemen *The Bad Guys Close In*.**

Ciri Lagu	Bentuk emosi	Elemen beats / Adegan Visual
<ul style="list-style-type: none"> <li>- Genre lagu: Vaudaville.</li> <li>- Instrumen Muzik: Violin, Piano, Brass, Simfonik Orkestra.</li> <li>- Melodi: fleksibel, <i>upbeat</i>.</li> <li>- Tempo: 126BPM</li> <li>- Struktur Lirik: \Verse 1, Pra-Chorus, Chorus, Verse 2, Pra-Chorus, Chorus.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Angkuh</li> <li>ii. Sombong</li> <li>iii. Ego</li> <li>iv. Berkuasa</li> <li>v. Menjengkelkan</li> </ul>	<p><b><i>Bad guys close in</i></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Watak Protagonis (nenek kebayan) menunjukkan kekuasaannya.</li> </ul>


Sumber: (Filem Magika, 2010)

Berdasarkan Jadual 3, ciri lagu iaitu genre Vaudaville. Menurut Robert W. Snyder (2000), istilah Vaudaville berasal dari teater di Paris, merupakan kata asal dari *Vaux-de-vire*, yang membawa maksud ‘lagu-lagu lembah vire’ yang akhirnya berkembang menjadi bentuk drama muzikal, dengan dialog yang diiringi lagu. Menerusi lagu ini, penggunaan instrumen muzik dapat dikenalpasti apabila orkestra berskala besar digunakan seperti adanya penggunaan instrumen brass dalam lagu tersebut. Tempo daripada lagu ini menghasilkan 126MBP, menunjukkan kelajuan tempo sangat sesuai dengan *mood* yang dinyanyikan sesuai dengan perlakuan Nenek Kebayan dengan gaya dan gerak tubuh yang menjengkelkan.

Seterusnya makna lirik lagu mengukuhkan struktur plot yang dicadangkan oleh Snyder (2005) elemen beat *The bad guys close in*. Struktur lagu *Rahsia awet muda* sedikit berbeza dengan lagu lain yang terdapat dalam filem *Magika*. Lagu *Rahsia awet muda* mempunyai pra-chorus sebelum ke bahagian chorus dinyanyikan. Menurut Cox (2001), pra-chorus dikenali sebagai “membina”, “saluran”, atau “jambatan peralihan”. *Pra-chorus* berfungsi untuk menghubungkan ayat ke bahagian *chorus* dengan perantara menggunakan *chord subdominant* yang berbeza tetapi diselaraskan secara harmoni. *Pra-chorus* juga sebagai satu tanda sebelum

ke bahagian utama dalam struktur lagu. Untuk menjelaskan sebahagian lirik *Rahsia awet muda* dengan lebih mendalam dapat diperhatikan melalui teori *Conceptual Integration Network* (Rajah 3).

**Rajah 3. Conceptual Integration Network Dalam Lagu *Rahsia Awet Muda* Dengan Elemen Beat *The Bad Guys Close In.***



Sumber: (Filem Magika, 2010)

Berdasarkan Rajah 3 di atas, input space 1 ialah visual atau adegan dalam cerita tersebut yang mana memaparkan Nenek Kebayan sedang membawa jamu ajaibnya untuk diperkenalkan kepada seluruh penduduk kampung dan Puteri Gunung Ledang.

Manakala input space 2 adalah rangkap lirik pertama yang menjelaskan tentang pengenalan diri Nenek Kebayan yang kemudiannya menyatakan tentang kehebatan kuasa ajaib yang dimilikinya yang mampu menghasilkan ramuan jamu awet muda. Kuasa ajaib yang beliau miliki telah menggambarkan bahawa Nenek Kebayan akan muncul bila-bila masa sahaja jika

dia diperlukan untuk bantuan. Melalui lirik tersebut jelas menggambarkan keangkuhan watak nenek kebayan kerana mampu menghasilkan ramuan yang luar biasa. Nyanyian lagu tersebut juga memberi ruang kepada audiens untuk merasa terhibur dan pada masa yang menyebabkan struktur plot cerita semakin menarik. Pada tahap elemen *beat Bad guys close in*, kekuasaan dan kejahatan watak antagonis ini ditunjukkan apabila Nenek Kebayan telah mengurung Malik untuk mendapatkan ramuan ubat yang diciptanya.

### Kesimpulan

Berdasarkan hasil analisis kajian, pengkaji mendapati penghasilan sesebuah lagu dalam genre filem muzikal terdiri daripada elemen lagu yang menyokong struktur naratif plot sesebuah genre filem muzikal. Selain itu juga sekiranya penghasilan sesebuah lagu memenuhi pendekatan elemen naratif, ditambah dengan stail dan bahasa filem yang dilakukan dengan sempurna maka hasil sesebuah filem muzikal tersebut mampu mencapai matlamat yang dikehendaki oleh pengarah filem dan komposer. Barsam dan Monahan (2010), mendefinisikan elemen naratif sebagai gabungan komponen yang diceritakan oleh filem tertentu, sistem tertentu dimana cerita fiksyen disusun, atau konsep yang menerangkan setiap peristiwa secara berurutan yang dibentangkan dalam bentuk visual. Beliau mengetengahkan 10 elemen naratif dalam filem iaitu *story and plot, order, events, duration, suspense vs surprise, repetition, characters, setting, scope* dan *narration & narrators*.

Elemen beat *midpoint* dan *bad guys close in* dalam babak dua sesebuah cerita amat memainkan peranan penting dalam menentukan perkembangan naratif sehingga ke puncak terakhir plot cerita. Ciri-ciri sesebuah lagu dalam filem muzikal amat penting bagi memastikan perkembangan penceritaan menarik minat audiens untuk menonton.

Kepelbagaiannya rentak muzik iaitu tempo, melodi, lirik dan genre lagu dalam filem tersebut telah mengukuhkan tema, mesej, watak perwatakan, dan konflik filem tersebut. Melalui analisis yang dilakukan di atas, didapati dua buah lagu iaitu lagu *Kehilangan* dan *Rahsia awet muda* memenuhi elemen titik plot dan beats struktur plot yang dicadangkan oleh Syd Field (2005) dan Snyder (2005). Justeru, penulis skrip, pengarah filem mahupun komposer lagu, haruslah memahami dan mahir dalam membentuk elemen *beat* dalam babak dua seperti *midpoint* dan *bad guys close in* dalam babak dua agar audiens tidak merasa bosan dan mampu memberikan kefahaman kepada audiens untuk mengetahui jalan cerita sesebuah filem. Dalam filem muzikal Magika (2010), pengkaji mendapati bahawa lagu kehilangan dan rahsia awet muda menepati ciri-ciri yang dibentangkan dalam elemen *beat midpoint* dan *bad guys close in*. Walaupun tidak keseluruhan lagu muzikal Magika diciptakan khas untuk 15 elemen *blake snyder*, tetapi ia masih boleh menyumbang kepada perkembangan plot cerita tersebut.

Justeru dalam menghasilkan sesebuah lagu bersubgenre muzikal fantasi, penulis skrip, pengarah mahupun komposer haruslah memperincikan elemen *beats* blake snyder bermula dari *Opening Image* sehingga *Final image* agar mampu memberikan sebuah hiburan ketahap maksimum dan berkualiti yang setanding dengan penghasilan filem muzikal Hollywood. Antara perkara utama yang harus dilakukan oleh seorang penulis skrip dan komposer muzik adalah dengan melihat elemen naratif yang harus ada dalam sesebuah cerita. Kesemua elemen naratif tersebut ialah tema, watak dan perwatakan, latar tempat dan masa, plot dan sudut pandang, konflik, perlu digarap dengan sempurna berserta elemen *beats* dan bahasa filem agar menjadi satu filem yang mampu memberikan impak kesempurnaan. Selain itu juga, penelitian terhadap tingkat kreativiti seorang komposer muzik juga memerlukan pemahaman yang tinggi

terhadap visi dan misi seorang pengarah dan penulis skrip agar penyerapan dalam menghasilkan lagu untuk filem muzikal dapat dihasilkan dengan murni dan berkualiti. Namun ia perlulah digarap dengan sempurna oleh pengarah filem, penulis skrip, penyunting filem dan komposer muzik.

## Rujukan

- Adil Johan. (2020), Intercultural Intimacy: Malaysian Popular Music As an Expression Of Social Cohesion (1970s and 1980s). Jurnal JEBAT.vol.47 (3), 191-213.
- Al- Fatihah Mohd Adnan. (2014), Kritikan Sosial Dalam Filem Mamat Khalid. Journal of Business and Social Development. Vol.2 (2), 62-73.
- Blake Snyder. (2005). Save the cat!: the last book on screenwriting you'll ever need. USA: Michael Wiese Productions.
- Carter, Stephen J. (2014). *Story Crisis, Story Climax 1: Using Film Structure to Outline Your Novel (Crisis Climax)*, 2nd edition. Storyworks DBM.
- Cox, Terry. (2001). You Can Write Song Lyrics by Terry Cox. United States: F+W Publications.
- Fatma Khaled. (2018). The underlying effect of music in film and the art of film scoring. 4 April. Egypt Today <https://www.egypttoday.com/film-and-the-art>
- Fauconnier, Gilles & Turner, Mark. (1998). Conceptual integration networks. Cognitive Science. Volume 22, Issue 2, April–June 1998, Pages 133-187.
- Hizral Tazzif Hisham, (2019), The Impact of Globalization On The Malaysia Film Industry. IJITEE. Vol. 8, Issue 7S2, 142-148.
- Juan R. Chattah. (2018). Film, Music, Narrative: A multidimensional Mapping Process. ICMPC15/ ESCOM10 proceeding. 110-113.
- Juliana Abdul Wahab, Mahyuddin Ahmad, (2009), Filem Box-Office dan Ideologi: Satu Kajian Terhadap Filem-Filem Terpilih Di Malaysia. Jurnal Wacana Seni. Jilid / Vol.8.
- Khairil Anwar, (2015), Fungsi Muzik dalam Filem: Filem Ibu Mertuaku. (M.A, Performance Arts). Universiti Malaya.
- Low Jin Lu, Wan Amizah Wan Mahmud, (2018), Persepsi Penonton Di Malaysia Terhadap Filem Yang Memenangi Academy Awards. Jurnal Wacana Sarjana. Jilid 3 (2) 1-14.
- Mohd Azam Sulong, Zaharul Lailiddin Saidon. (2016), Estetika Lagu-Lagu Melayu Popular(ELMP): Satu Analisis Terhadap Seni Kata Lagu. Jurnal RUMPUN. Jilid 4, 97-126.
- Mohamad Zaki, Syafizah, (2006), Genre Filem Muzikal Dalam Sinema Malaysia Tahun 1976 - 2006. Universiti Teknologi Mara.
- Patricia Matusky, Tan Sooi Beng. (2017), The Music Of Malaysia: The Classical, Folk And Syneritic Traditions (Second Edition). London and New York. Routledge Taylor & Francis Group.
- Plemenitas, Katja. (2016). Songs as Elements in the Generic Structure of Film Musicals. Elope English Language Overseas Perspectives and Enquiries, 13(1):31
- Rosli Seraya, Zairul Anuar (2017), Kepentingan Elemen Beat Sheet Dalam Struktur Naratif Filem Aksi. Prosiding Persidangan INSAN (2-11).
- Syd Field. (2005). The Foundation of screenwriting. New York: Bantam Dell.
- Sydney Thomas Sibangan, TeoMiaw Lee, Candida JauEmang. (2021). Representation of 'OTHER' In Malaysia Film: Kadazandusun Identity in Sabah Indigenous Telemovie. Jurnal NVEO 8 (4): 10281-10290.
- Zairul Anwar. (2015). Skrip Ke Skrin. Penerbit Universiti Malaysia Sabah. UMS.

Zul Hanis Yop Othman, Zaitul Azma Zainon Hamzah (2020), Makna Implisit Dalam Lirik Lagu “Rapuh”: Analisis Relevan. Jurnal Pertanika MAHAWANGSA 7 (2): 37-49.